

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**ANIIH BERHAD JANGKA ALIRAN TRAFIK KE PANTAI TIMUR LONJAK
LEBIH 50% PERATUS SEMPENA SAMBUTAN AIDILADHA**

KUALA LUMPUR, 28 Julai 2020 – Jumlah trafik yang menggunakan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (Lebuhraya KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) untuk ke pantai timur dijangka melonjak lebih 50 peratus, antara Rabu (29 Julai), Khamis (30 Julai) hingga Ahad (2 Ogos) ini.

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein berkata, jangkaan lonjakan trafik daripada purata trafik harian sekitar 156,000 itu berlaku berikutan orang ramai akan mengambil peluang untuk pulang ke kampung halaman susulan perjalanan merentas negeri dibenarkan sempena sambutan Aidiladha, Jumaat ini.

Serentak itu, Dato' Nik Fauzi berkata, semua kemudahan awam di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan di hentian sebelah di dua lebuh raya kendalian ANIH Berhad itu dibuka kepada pengguna dengan menerapkan prosedur operasi standard (SOP) tertentu bagi memastikan penjarakan sosial terus dipatuhi.

“Syarikat ingin mengingatkan orang ramai bahawa pembukaan semua kemudahan awam di R&R dan hentian sebelah sepanjang lebuh raya kendalian ANIH Berhad dibuat mengikut SOP tertentu selaras dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan penjarakan sosial sentiasa dipatuhi.

“Oleh itu, syarikat ingin memaklumkan bahawa kemudahan R&R atau hentian sebelah akan ditutup sementara kepada pengguna sekiranya penuh bagi mengekalkan amalan penjarakan sosial. Justeru, jika perkara ini berlaku, pengguna dinasihatkan untuk meneruskan perjalanan menuju kemudahan R&R atau hentian sebelah seterusnya.

“Pada masa sama, syarikat juga akan terus menjalankan kerja-kerja sanitasi dan pembersihan nyahkuman dan nyahcemar sebagai langkah tambahan bagi memutuskan rantaian wabak COVID-19,” katanya dalam satu kenyataan.

Dato’ Nik Fauzi turut mengingatkan orang ramai yang bakal merentas negeri supaya merancang perjalanan dengan merujuk Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) yang dikeluarkan ANIH Berhad di laman sosial media syarikat iaitu Twitter di @LPTTrafik dan Facebook Lebuhraya Pantai Timur bagi membantu melancarkan perjalanan mereka serta mendapatkan maklumat rasmi terkini mengenai fasiliti perkhidmatan dan kemaskini trafik di Lebuhraya KLK dan LPT 1.

TTA dikeluarkan bagi membantu pengguna merujuk kepada waktu perjalanan yang sesuai sebelum turun ke lebuh raya. Ianya juga bertujuan untuk mengawal jumlah pergerakan trafik dan dilihat sebagai antara pendekatan terbaik membantu mengelakkan kenderaan bertembung pada satu masa yang sama di plaza tol, khususnya di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak hingga boleh menyebabkan kesesakan

“Sebagai pengendali Lebuhraya KLK dan LPT 1, kami menyedari kepentingan memastikan lebuh raya kami sentiasa selamat untuk dilalui. Oleh itu, syarikat komited untuk terus memastikan kakitangan serta peralatan-peralatan lebuh raya yang berkaitan sentiasa bersiap siaga untuk memberikan perkhidmatan 24-jam terbaik kepada pengguna.

“Syarikat juga akan terus bekerjasama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan semua pihak berkuasa lain bagi memastikan Lebuhraya KLK dan LPT 1 berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk dilalui,” katanya.

Syarikat juga ingin menasihat pemandu kenderaan untuk sentiasa memastikan baki nilai kad Touch ‘n Go (TNG) sentiasa mencukupi. Ini kerana tiada urusan transaksi tambah nilai kad TNG di lorong tol, manakala Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) di plaza

tol pula hanya beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19.

“Oleh itu,pengguna dinasihatkan supaya membuat tambah nilai terlebih dahulu sebelum memasuki lebuh raya. Mereka juga turut boleh membuat transaksi tambah nilai kad TnG di kiosk tambah nilai layan diri (SSK) yang terdapat di Hentian Sebelah Gombak (arah barat sahaja); R&R Genting Sempah; R&R Temerloh (arah timur atau barat); dan Plaza Tol Gambang.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan
farizal.hajat@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my